

19/08/1999

Ishaer janji baiki ekonomi

KHABAROVSKY, Rabu - Khabarovsky hari ini memberi jaminan kepada Malaysia untuk memperbaiki kedudukan ekonominya supaya Wilayah Timur Jauh Russia itu menjadi tumpuan lebih ramai pelabur asing.

Gabenor Wilayahnya, Victor I Ishaer, berkata sebagai wilayah Russia yang mempunyai potensi dan tumpuan pelabur, negara itu sudah dan akan mengambil pelbagai inisiatif menggalakkan pelbagai industri di samping memastikan kedudukan politik sentiasa stabil.

Katanya, walaupun kini hanya ada 640 entiti perdagangan asing, termasuk yang dimiliki 100 peratus kepentingannya daripada 23,300 kegiatan ekonomi di Khabarovsky, usaha menarik kedatangan pelabur terus digiatkan.

"Kita melakukan pelbagai pendekatan untuk membuka seluas-luasnya peluang pelaburan asing datang termasuk dari Malaysia kerana potensi di sini tidak terhad.

"Sepanjang masa kita merancang bagaimana cara paling baik untuk memperbaiki situasi ekonomi dan iklim pelaburan di wilayah dan Republik Timur Jauh Russia," katanya menjawab soalan bahawa pelbagai masalah di luar jangkaan dihadapi apabila mereka sudah beroperasi di sini.

Ketika ini hanya Rimbunan Hijau Sdn Bhd, satu-satunya syarikat Malaysia yang berjaya mendapat konsesi pembalakan di sini seluas 600,000 hektar. Syarikat itu sudah dua tahun beroperasi. Baru-baru ini Wilayah Pentadbiran Khabarovsky mengenakan syarat duti eskport lima peratus bagi kegiatan pembalakan.

Ishaer yang turut hadir pada sidang akhbar Datuk Seri Dr Mahathir Moahamd, turut menjelaskan pelbagai usaha yang sudah dan akan dilakukan wilayah itu untuk menarik kedatangan lebih ramai pelabur.

Ishaer berkata, negaranya yang mempunyai sumber galian, pembalakan, perikanan dan kepakaran dalam industri perkapalan dan penerbangan, mempelawa pelabur Malaysia untuk turut serta.

Tambahnya, Khabarovsky juga sedang giat meningkatkan pelbagai kemudahan tenaga, pengangkutan dan telekomunikasi, mahu ramai pelabur asing turut serta membangunkan infrastruktur yang baru.

Khabarovsky yang terletak berhampiran Kepulauan Hokkaido, Jepun mempunyai kawasan perairan pantai seluas 2,000 kilometer. Sungai Amure, sungai ke-3 terpanjang di dunia pula kaya dengan pelbagai hasil tangkapan.

(END)